

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : EKSklusif

LAMBAKAN GRADUAN PERUBATAN

Tempoh moratorium dilanjut 5 tahun

➔ Kabinet buat keputusan berdasarkan peningkatan ketara graduan

Oleh Rohaniza Idris dan Rasheda Ili Abd Rahim
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tempoh moratorium penubuhan program kursus perubatan baharu dilanjutkan lima tahun lagi bagi menangani lambakan graduan perubatan. Sumber Kementerian Kesihatan

tan berkata, ia dipersetujui Kabinet berdasarkan peningkatan ketara jumlah graduan perubatan dikeluarkan IPT serta kompetensi pegawai perubatan siswazah, tenaga pengajar dan hospital latihan.

Keputusan itu yang dipersetujui baru-baru ini adalah kesinambungan pembekuan lima tahun dikenakan kerajaan pada 2011, bertujuan melarang pembukaan program baharu di negara ini.

Tumpu kepada kualiti

Ia juga bertujuan menggalakkan sekolah perubatan sedia ada memberi lebih tumpuan kepada kualiti.

"Kementerian mengambil keputusan ini selepas melihat situasi bidang perubatan negara perlu dikawal selain memberi IPT masa mencukupi untuk menghasilkan graduan perubatan berkualiti.



Kementerian mengambil keputusan ini selepas melihat situasi bidang perubatan negara perlu dikawal selain memberi IPT masa mencukupi untuk menghasilkan graduan perubatan berkualiti"

Sumber Kementerian Kesihatan

"Lulusan perubatan tidak dapat dihasilkan dalam tempoh singkat, tanpa perancangan mencukupi seperti tenaga pengajar, kemudahan latihan dan bahan klinikal," katanya.

Beliau mengulas laporan bersiri BH sejak Isnin lalu, mengenai lambakan graduan perubatan yang didakwa tidak seiring perjawatan sedia ada.

Sumber itu turut mendedahkan, kementerian akan membenarkan pelajar asing melanjutkan pengajian perubatan di kolej swasta di negara ini dalam usaha mengurangkan lambakan graduan perubatan tempatan.

Sistem lantikan kontrak

Mengenai keberkesanan sistem lantikan pegawai perubatan secara kontrak, beliau berkata, ia bertujuan mengisi segera kekosongan jawatan peringkat doktor pelatih

dan pegawai perubatan dalam perkhidmatan awam.

Katanya, sistem terdahulu menyebabkan ramai graduan perubatan terpaksa menunggu lama untuk menjalani latihan atau *housemanship* apabila lebih 20 peratus doktor pelatih tidak menghabiskan latihan setiap tahun.

"Kekosongan itu terpaksa dibiarkan dua tahun sebelum kemasukan doktor pelatih baharu. Ia mewujudkan kekurangan ruang penempatan dan akibatnya, ribuan graduan perubatan perlu tunggu sehingga setahun untuk penempatan.

"Ia berbeza dengan sistem lantikan kontrak. Kontrak doktor pelatih boleh ditamatkan serta-merta jika gagal hadir lebih tujuh hari, sekali gus memberi ruang kepada graduan lain mengisi kekosongan segera," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 46

RUANGAN : DARI JOHOR

Siling Klinik Kesihatan Mahmoodiah runtuh

JOHOR BAHRU - Sebahagian siling Klinik Kesihatan Mahmoodiah, di sini, runtuh dalam kejadian pagi semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan negeri, Datuk Ayub Rahmat mengesahkan kejadian tersebut.

Menurutnya, tiada sebarang kecederaan dilaporkan setakat ini dan punca kejadian kini dalam siasatan pihak terbabit.

"Tiada kecederaan dilaporkan. Kejadian berlaku di Kaunter Kaunseling Pemakanan.

"Tengah siasat punca (kejadian)," katanya.

Ayub berkata, kejadian dipercayai berlaku sekitar jam 8.30 pagi semalam.

Katanya, penyelenggaraan dilakukan segera dan ia dijangka siap dalam minggu ini juga.

Terdahulu, gambar siling runtuh di klinik kesihatan terbabit tular menerusi aplikasi *WhatsApp*, semalam.



Gambar yang tular di media sosial berkaitan kejadian siling runtuh di Klinik Kesihatan Mahmoodiah.